

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.3 (25)

29 November 2015  
17 Safar 1437

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 30/2015

### PEWARTAAN LARANGAN PENGGUNAAN VAPE ATAU ROKOK ELEKTRONIK DALAM KAWASAN KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Berdasarkan Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam menjalankan kuasa di bawah subperenggan 4(1)(t), Universitiewartakan larangan penggunaan *vape* atau rokok elektronik dalam kawasan kampus Universiti Teknologi Malaysia.

2. Keputusan ini selaras dengan kenyataan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh bahawa semua 20 universiti awam bersetuju agar penggunaan *vape* atau rokok elektronik dan rokok diharamkan di kampus masing-masing pada 20 November 2015. Pewartaan ini juga adalah kesinambungan daripada Pekeliling Pentadbiran UTM Bil. 22/2014 mengenai Penguatkuasaan Kawasan Bebas Asap Rokok di Universiti Teknologi Malaysia.

3. *Vaping* hendaklah ditafsirkan sebagai perbuatan menyedut, menghembus atau mengeluarkan asap dari rokok elektronik dalam apa jua bentuk di dalam mana-mana kawasan kampus oleh staf, pelajar atau pelawat Universiti.

4. Pegawai yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan peraturan Kawasan Bebas Asap Rokok termasuk mengeluarkan kompaun adalah seperti berikut;

- a) Pegawai dan Pengawal dari Bahagian Keselamatan;
- b) Pegawai Pusat Kesihatan Mahasiswa;
- c) Pegawai dari Unit OSHE ;
- d) Pegawai, Pengetua, Felo atau mana-mana staf Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (HEMA); dan
- e) Pegawai di fakulti/bahagian yang dinamakan oleh Ketua Jabatan/Dekan.


5. Berdasarkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 18/2013 yang bertarikh 23 September 2013, kompaun sebanyak RM100.00 akan dikenakan bagi setiap kesalahan merokok dan tindakan pentadbiran akan diambil kepada staf dan pelajar jika gagal membayar kompaun dalam masa 30 hari. Keputusan dan denda ini juga akan dipanjangkan bagi kesalahan *vaping* dalam kawasan kampus Universiti.

6. Pewartaan larangan menggunakan *vape* atau rokok elektronik dalam kawasan kampus Universiti Teknologi Malaysia adalah berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, dimaklumkan.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,



**WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN**  
Pendaftar

- s.k.
- YBhg. Datuk Naib Canselor
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
  - Bendahari
  - Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
  - Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah